

16 MAY 2000

Calon-Teluk Kemang

NAMA BAKAL CALON BN DIJANGKA DIUMUMKAN MINGGU DEPAN

PORT DICKSON, 16 Mei (Bernama) -- Nama bakal calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang dijangka diumumkan pada minggu depan.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu bagaimanapun berkata nama calon BN itu akan diumumkan selepas mendapat kelulusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya akan menetapkan tarikh pengumuman nama calon BN itu selepas mendapat kelulusan Perdana Menteri. Saya juga akan berbincang dengan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mengenai masa sesuai untuk mengumumkan nama calon BN itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan pemimpin MIC Bahagian Teluk Kemang di sini, malam ini.

Menurutnya nama calon BN itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri tetapi setakat ini Dr Mahathir belum memberi sebarang keputusan.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata beliau berpuas hati dengan persiapan jentera pilihan raya MIC.

"Saya juga berpuas hati dengan semua anggota dan pemimpin MIC yang bersatu padu dalam menghadapi pilihan raya kecil itu. Mereka telah menunjukkan minat untuk bekerja kuat dan dalam beberapa perjumpaan di antara saya dengan mereka, mereka berjanji untuk memastikan kemenangan BN pada pilihan raya kecil ini," katanya.

Beliau yakin dengan kerjasama parti komponen BN yang lain, BN akan terus mengekalkan kerusi Parlimen Teluk Kemang dengan majoriti yang lebih besar berbanding pilihan raya umum lepas.

Kerusi Teluk Kemang kosong berikutan kematian penyandanginya S.A.Anpalagan yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pada 28 April lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 30 Mei sebagai hari penamaan calon dan 10 Jun sebagai hari pengundian.

Pada pilihan raya umum lepas, Anpalagan menewaskan N.Gobalakrishnan dari DAP dengan majoriti 9,942 undi.

-- BERNAMA

RP AKD